

Harapan kepada Pak Lah

UM 01/11/2003 - 2 PRECISE

Oleh AZIZ ISHAK

SECARA kebetulan, ada beberapa persamaan antara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Selain dilihat berhati-hati dan tidak mudah melatah dalam gaya kepimpinan, kedua-duanya juga tidak gelojoh dalam pendakian politik.

"Pak Lah tak suka pandu kereta laju, biarlah orang lain nak pandu laju atau nak berlumba-lumba," itulah kata-kata yang pernah beliau nyatakan kepada penulis tidak lama dulu.

Analogi itu digunakan oleh Abdullah dalam memperkatakan karier politik beliau selepas tewas jawatan Naib Presiden pada 1993 yang ketika itu menyaksikan arus kumpulan Wawasan yang diketuai oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Apabila direnungkan, kata-katanya itu cukup bermakna apatah lagi pada hari ini ketika beliau dinobatkan sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima.

Akhirnya Abdullah menjadi satu-satunya daripada empat Timbalan Perdana Menteri ketika era Dr. Mahathir naik ke mercu kedudukan nombor satu dalam politik negara.

Rupa-rupanya Dr. Mahathir dan Abdullah merupakan gandingan serasi meskipun Abdullah pernah bertindak menyertai Team B yang diketuai Tengku Razaleigh Hamzah dalam krisis politik 1987.

Gaya berpolitik Dr. Mahathir yang tidak berdendam kepada mereka yang pernah menentanginya dan sikap Abdullah yang matang dan tidak gelojoh membolehkan peralihan kuasa yang dirintis tahun lalu berjalan dengan lancar dan menjadi kenya-taan.

Selain insiden 1987, kegagalan pada pemilihan jawatan Naib Presiden 1993 memberi kesan tersendiri kepada Abdullah. Dalam satu pertemuan dengan beberapa wartawan yang turut dihadiri penulis selepas itu, beliau berazam untuk 'membetulkan kecurangan dalam parti' terutamanya gejala politik wang.

"Saya tidak mahu fikirkan tentang nasib

saya selepas ini, ...biarlah. Yang mengganggu saya ialah kecurangan dalam parti, itulah yang lebih membimbangkan," katanya.

Kegagalan mempertahankan jawatan tersebut tidak mengejutkan kerana Abdullah tidak mampu membendung kerakusan kempen perebutan ketika itu sedangkan beliau lebih bermodalkan imejnya yang bersih dan pembawakannya yang sederhana serta mesra.

Kerana karakternya itu jugalah, Abdullah sememangnya disenangi oleh ramai orang termasuk di kalangan media. Meskipun termasuk dalam jawatan tersebut, Abdullah tetap mendapat tempat di hati kebanyakan wartawan sehinggakan mereka selalu berkampung di rumah beliau.

Persamaan yang lebih menarik antara Dr. Mahathir dan Abdullah ialah kedua-duanya naik ke mercu kepimpinan dengan imej yang cukup bersih dan Abdullah pernah diberi julukan *Mr. Clean*.

Kriteria-kriteria tersebut, selain pengalaman luas dalam Kabinet antara sebab mengapa Abdullah diberi kepercayaan oleh Dr. Mahathir yang melantiknya sebagai Timbalan Perdana Menteri seterusnya sebagai bakal Perdana Menteri.

Sikap

Abdullah juga seorang yang memamerkan sikap keterbukaan terutama semasa menyandang jawatan menteri seperti Menteri Pendidikan, Menteri Pertahanan dan Menteri Luar.

Di bawah terajunya di kementerian-kementerian tersebut, para pegawai kanan tidak merasa tertekan dan mereka juga tidak takut untuk memberikan pandangan.

"Itulah antara kelebihan Abdullah dan beliau seorang yang memberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk memberikan penjelasan jika timbul sesuatu isu atau kontroversi," kata seorang ketua setiausaha sebuah kementerian.

Ketika menjadi Menteri Luar, Abdullah dilihat mempunyai imej yang tinggi dan cukup disegani di sebalik kesederhanaannya. Pernah dalam satu lawatan ke Zimbabwe,

beliau tidak kisah menaiki pesawat ringan enam tempat duduk yang agak lama usianya serta kelihatan tidak meyakinkan dari segi keselamatan. Penerbangan dalam cuaca kurang baik dari Harare menuju ke sebuah bandar lain dengan jarak ratusan kilometer itu turut diiringi seorang usahawan Malaysia, Dr. Hassan Mohd. Ali, penulis dan rakan dari *Berita Harian*, Manja Ismail.

Ketika kami agak resah sepanjang penerbangan itu, Abdullah memberikan komentarnya "hidup ini memang sentiasa berisiko biarpun untuk tujuan baik."

Jawatan Menteri Luar sememangnya tempoh yang menyaksikan Abdullah mendapat kepercayaan lebih besar dan detik-detik itu lebih ketara apabila beliau mula diberi perhatian dan turut menjadi rujukan penting dalam menangani krisis yang dicituskan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1998.

Ketika itu, Abdullah yang menghadiri persidangan Pergerakan Negara Berkecuali di Afrika Selatan tetap tenang mengikuti perkembangan di tanah air termasuk dari Perdana Menteri sendiri.

Sekali lagi beliau bercajak soal risiko tetapi pada masa itu dengan nada yang lain. "Allah akan sayangkan orang yang

ikhlas dalam menangani risiko," katanya semasa berbual dengan wartawan di bilik penginapannya.

Hari ini, Abdullah akan menempuh risiko lebih besar dalam hidupnya sebagai peneraju sebuah negara. Harapan terhadap beliau untuk meneruskan kecemerlangan semasa kepimpinan Dr. Mahathir cukup tinggi.

Sebagai seorang yang berpengalaman, sudah tentu Abdullah tidak harus merasa tertekan terhadap pengharapan yang mengunung termasuk dalam membuat apa sahaja percaturan terbaik untuk agama, bangsa dan negara.

Abdullah akan menampilkan keyakinan dan corak kepimpinannya tersendiri selepas ini. Sudah tentu antara ujian pertama beliau ialah pilihan raya umum dan menyatukan semula orang Melayu.

Apa pun cuma satu harapan penulis, semoga beliau tetap seperti Abdullah yang dikenali oleh semua orang selama ini - peramah, sabar, tenang dan terbuka kepada kritikan.



GANDINGAN SERASI... Dr. Mahathir dan Abdullah.